

Rangka paksi: Terdiri daripada tengkorak, turus vertebra (tulang belakang) dan sangkar rusuk

Tengkorak

Tulang muka

- Melindungi mata, telinga dan hidung serta menyediakan bukaan ke sistem pencernaan dan pernafasan.

Tulang kranium

- Menutupi dan melindungi otak.

Sendi tidak bergerak

- Tulang-tulang bercantum melalui sendi tak bergerak, iaitu **sutur**.

Sangkar rusuk

Sternum

Tulang berbentuk rata dan sempit, terletak di tengah bahagian hadapan toraks.

Tulang rusuk


- Terdiri daripada 12 pasang tulang rusuk yang membentuk ruang toraks.
- Bersendi dengan 12 vertebra toraks.

Turus vertebra

Turus vertebra atau tulang belakang terdiri daripada lima jenis vertebra yang bercantum antara satu sama lain. Setiap jenis vertebra boleh dibezakan dari segi struktur dan kedudukannya pada turus vertebra.


Vertebra serviks (Bahagian leher)

- Mempunyai sepasang **vertebra arteri** yang membenarkan salur darah dan saraf melaluinya.




Vertebra toraks (Bahagian toraks)

- Mempunyai cuaran spina yang panjang dan mengarah ke bawah.



Vertebra lumbar (Bahagian pinggang)

- Mempunyai sentrum yang besar untuk menampung berat bahagian bawah badan.





Sakrum

- Merupakan tulang tunggal berbentuk segi tiga cantuman lima tulang. Liang untuk saraf

Koksiks

- Merupakan tulang tunggal berbentuk segi tiga cantuman empat tulang.



Lengkungan pektoral

Terdiri daripada tulang klavikel dan skapula dan berfungsi menghubungkan tulang lengan dengan rangka paksi.

Klavikel

- Tulang panjang dan berbentuk rod.
- Bersambung dengan skapula dan sternum.

Skapula

- Tulang besar berbentuk segi tiga yang lebar.

Tulang lengan

Humerus

- Tulang lengan yang terbesar dan terpanjang.
- Bersendi dengan
 - Skapula untuk membentuk sendi lesung di bahu.
 - Radius dan ulna untuk membentuk sendi engsel di siku.

Karpus (Gelang tangan)


- Lapan tulang kecil yang membentuk pergelangan tangan.

Metakarpus (Tapak tangan)

- Lima tulang yang membentuk tapak tangan.

Falanks

- Empat belas tulang yang membentuk jari tangan.



Lengkungan pelvis

Terdiri daripada sepasang tulang punggung dan berfungsi menghubungkan tulang kaki dengan rangka paksi.

Tulang punggung

- Terdapat daripada tiga tulang yang bercauntum, iaitu ilium, iskiun dan pubis.
- Bercauntum di simfisis pubis.

Tulang kaki

Femur

- Tulang yang paling panjang, berat dan kuat di dalam badan.
- Bersendi dengan
 - Tulang punggung untuk membentuk sendi lesung.
 - Tibia untuk membentuk sendi engsel di lutut.

Patela (Tempurung lutut)

- Tulang segi tiga yang melindungi sendi lutut.

Tibia dan fibula

- Bersendi dengan tulang pergelangan kaki.
- Fibula lebih kecil daripada tibia.

Tarsus

- Tujuh tulang yang membentuk buku lali.

Metatarsus

- Lima tulang yang membentuk tapak kaki.

Falanks

- Empat belas tulang yang membentuk jari kaki.

